



PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA

# *Etika Kerja*

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# *Etika Kerja*

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



*Kuala Lumpur*

*2000*

Cetakan Pertama 2000  
© Hakcipta Perpustakaan Negara Malaysia

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia  
232, Jalan Tun Razak  
50572 Kuala Lumpur  
Tel: (603)-2694 3488  
Faks: (603)-2692 7082  
<http://www.pnm.my>

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Etika Kerja Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 967-931-102-3

1. Work ethic 2. Professional ethics l. Perpustakaan Negara Malaysia.

174

# Isi

## K A N D U N G A N

- 1** ▶ Pengenalan
- 2** ▶ Falsafah Perpustakaan Negara Malaysia
- 2** ▶ Wawasan Perpustakaan Negara Malaysia
- 3** ▶ Misi Perpustakaan Negara Malaysia
- 3** ▶ Objektif Perpustakaan Negara Malaysia
  
- 4 - 7** ▶ Prinsip Etika Kerja
  - Niat Yang Baik
  - Bersopan dan Beradab
  - Berdisiplin
  - Bekerjasama
  - Berkomunikasi
  
- 8 - 11** ▶ Nilai Utama Dalam Etika Kerja
  - Benar
  - Amanah
  - Dedikasi
  - Jujur
  - Penyayang
  - Bersyukur

# Pengenalan

Etika kerja menjadi asas utama dalam pembentukan sebuah organisasi yang mantap dan berkualiti. Etika Kerja ini diterbitkan untuk dijadikan panduan oleh setiap warga Perpustakaan Negara Malaysia bagi membentuk tingkah laku dan meningkatkan potensi keupayaan berdasarkan nilai-nilai yang murni.

Etika Kerja Perpustakaan Negara Malaysia bertujuan untuk:

- Menanam nilai-nilai murni di kalangan setiap warga Perpustakaan Negara Malaysia.
- Meningkatkan disiplin diri ke arah menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.
- Membentuk warga Perpustakaan Negara Malaysia yang terhormat dan bertanggungjawab ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam.

Etika Kerja Perpustakaan Negara Malaysia perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap warga Jabatan. Berpandukan kepada etika kerja ini diharapkan warga Perpustakaan Negara Malaysia dapat mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan saling hormat menghormati dalam menjalankan tugas demi kecemerlangan Jabatan dan negara.

## Falsafah

**M**embina insan berbudaya maju yang cintakan ilmu pengetahuan melalui pembacaan sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya terhasil penciptaan baru yang dapat terus memperkayakan tradisi ilmu di negara ini.

## Wawasan

**P**erpustakaan Negara Malaysia sebagai perpustakaan bertaraf dunia dalam memberi perkhidmatan maklumat yang cemerlang bagi merealisasikan Wawasan 2020 ke arah negara perindustrian yang maju.

## Misi

Memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati kemudahan perkhidmatan perpustakaan secara saksama serta berupaya mencapai dan menggunakan ilmu warisan intelek Malaysia dan sejagat melalui prasarana perpustakaan elektronik yang bersepadu di seluruh negara.

## Objektif

- ▶ Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan satu koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan
- ▶ Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber-sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara
- ▶ Mengadakan kepimpinan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perpustakaan

# Prinsip Etika Kerja

Etika Kerja Perpustakaan Negara Malaysia perlu dihayati dan dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- **NIAT YANG BAIK**
- **BERSOPAN DAN BERADAB**
- **BERDISIPLIN**
- **BEKERJASAMA**
- **BERKOMUNIKASI**



## NIAT YANG BAIK

- Memahami dan meyakini kehendak falsafah, misi, matlamat dan objektif Perpustakaan Negara Malaysia
- Menyempurnakan tanggungjawab dengan jujur dan mengenyahkan kepentingan peribadi
- Memberi perkhidmatan terbaik untuk kepuasan pelanggan
- Sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan
- Sentiasa berbaik sangka antara satu sama lain

## BERSOPAN DAN BERADAB

- Tingkahlaku dan amalan berpandukan kepada nilai agama dan boleh diteladani.
- Pertuturan dan perbuatan yang sentiasa terhormat
- Menampilkan diri sebagai seorang yang dinamik dan boleh dipercayai
- Memberi dorongan dan nasihat ke arah kebaikan
- Saling hormat menghormati antara satu sama lain

## **BERDISIPLIN**

- ▶ Mematuhi undang-undang, peraturan dan arahan perkhidmatan
- ▶ Sentiasa peka dan mematuhi prosedur dan kaedah yang betul dan sesuai
- ▶ Berusaha menjadi pekerja cemerlang
- ▶ Sentiasa menepati janji dan masa
- ▶ Mengawal diri dari segi perasaan, tingkahlaku dan pertuturan dalam melaksanakan tugas.

## **BEKERJASAMA**

- ▶ Bersedia bertugas sebagai satu pasukan
- ▶ Bantu membantu demi kesejahteraan dan kecemerlangan jabatan
- ▶ Bersedia berkongsi pengalaman, ilmu dan kepakaran
- ▶ Mempunyai semangat kekitaan dan mengutamakan kepentingan Jabatan.

## **BERKOMUNIKASI**

- Menyampaikan laporan yang tepat, telus dan menepati masa
- Memberi perkhidmatan dengan tepat, sah dan berkesan
- Memberi maklum balas dalam semua urusan
- Memberi maklumat dan pandangan positif ke arah keharmonian dan kecemerlangan jabatan
- Menjalin perhubungan yang baik dan terbuka di antara satu sama lain dan dengan pihak luar dalam menjalankan tugas

# Nilai Utama Etika Kerja

Enam nilai utama menjadi fokus

Etika Kerja Perpustakaan Negara Malaysia iaitu:

- **BENAR**
- **AMANAH**
- **DEDIKASI**
- **JUJUR**
- **PENYAYANG**
- **BERSYUKUR**

## **BENAR**

- Benar kepada diri sendiri
- Bercakap benar dan menepati janji
- Memberi dan/atau menerima arahan yang tepat dan jelas

## **AMANAH**

- Menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berdisiplin
- Bersikap jujur dan setia kepada jabatan tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan
- Mengawal diri daripada melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan kepercayaan orang lain
- Bertanggungjawab melaporkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa
- Tidak mengamalkan rasuah
- Tidak membocorkan rahsia negara, jabatan dan pelanggan

## **DEDIKASI**

- ▶ Bekerja dengan teliti dan rajin serta bersikap positif
- ▶ Bersedia menerima tugas dan tanggungjawab tanpa memberi helah
- ▶ Sanggup berkorban masa dan tenaga demi kepentingan perkhidmatan
- ▶ Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan ceria.
- ▶ Berusaha kearah menjadi pekerja berilmu dan berkemahiran
- ▶ Menghasilkan kerja berkualiti dan menepati kehendak pelanggan

## **JUJUR**

- ▶ Menerima tanggungjawab dengan rela hati
- ▶ Menjalankan tugas ke arah mencapai matlamat jabatan tanpa mengharapkan balasan
- ▶ Memberikan layanan yang baik dan saksama kepada semua orang
- ▶ Bersedia menerima teguran dan nasihat dengan hati dan fikiran yang terbuka
- ▶ Menyumbangkan ide dengan niat yang baik

## **PENYAYANG**

- ▶ Bersifat penyayang, pemaaf dan tidak berdendam
- ▶ Menghormati harga diri orang lain
- ▶ Bertimbang rasa dalam melaksanakan tugas
- ▶ Menganggap jabatan sebagai sebuah keluarga besar yang penuh kemesraan
- ▶ Bersifat simpati dan empati kepada semua orang
- ▶ Memberikan pengiktirafan kepada mereka yang layak tanpa pilih kasih

## **BERSYUKUR**

- ▶ Bersyukur kepada Tuhan di atas nikmat yang diterima
- ▶ Menghargai anugerah yang diterima tanpa tanggapan anugerah sebagai hak
- ▶ Tenang menghadapi masalah dan reda menerima dugaan

## RUJUKAN UTAMA

1. Etika Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia.  
Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia,  
[199?]
2. Kod Etika Kerja Bagi Pustakawan,  
Persatuan Pustakawan Malaysia. [Kuala Lumpur :  
Persatuan Pustakawan Malaysia, 1998]  
(Tidak diterbitkan).



**Perpustakaan Negara Malaysia**

232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

Tel : 03-2694 3488 Fax : 03-2694 2490

E-mel: [pnmweb@www1.pnm.my](mailto:pnmweb@www1.pnm.my)

Laman Web:<http://www.pnm.my>

ISBN 967-931-102-3



9 789679 311020